



MOHAMED Khaled (tiga dari kanan) dan Ketua Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mior Kamarul Shahid (empat dari kanan) bersama pemenang Ikon Varsiti BH.

ANUGERAH IKON VARSITI BERITA HARIAN

Pelajar PhD antara pemenang

Oleh Elrafai Sapi

ahmadelrafai@hme-
tro.com.my

Kuala Lumpur

“Pembahagian masa dengan bijak antara belajar dan aktiviti sukan penting untuk berjaya dalam kedua-dua bidang,” kata Nur Haliza Abdul Wahab, 27, penerima Anugerah Ikon Varsiti Berita Harian (BH) Individu kategori (Bidang Kejuruteraan).

Pelajar Kedoktoran (PhD) Kejuruteraan Elektronik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) itu menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum sehingga dipilih sebagai pemenang.

“Sebelum ini, saya memabatkan diri dalam aktiviti akademik seperti pertandingan dan pembentangan projek serta aktif dalam sukan futsal dan skuasy. Malah, saya juga menulis novel dan sudah menerbitkan tiga

novel,” katanya.

Atlet terjun negara Leong Mun Yee, 28, turut cemerlang apabila dipilih sebagai pemenang anugerah Individu kategori (Sukan).

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, pencapaiannya dalam bidang sukan menjadi kayu pengukur kepada kejayaan anugerah yang diterimanya.

Sebanyak 10 anugerah kategori Individu manakala empat berkumpulan disampaikan pada majlis yang diadiri Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Penerima kategori Individu lain adalah Muhamad Nor Syafik Yahya (Penyelidikan Sains-Inovasi), Liu Cheng Hua (Seni Reka), Yasmin Abdul Rahman (Seni Bina Bangunan), Akmal Afiq Farhan Samsudin (Fesyen),

Wan Akma Hazami Mohd Nasir (Sukarelawan), Azwan Affandi Md Jahaya (Keusahawan), Ainatul Alia Alias (Teknologi Agro) dan Wan Ahmad Hazman Wan Daud (Kepimpinan).

Pemenang setiap kategori membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 dan trofi.

Kategori berkumpulan menyaksikan Enatus Universiti Kuala Lumpur menang kategori Projek Khidmat Sosial Dalam Negara diikuti One Mission Politeknik (Projek Khidmat Sosial Luar Negara), USM Engineers (Projek Inovasi) dan NRIC2012 (Seminar/Persidangan).

Pemenang dipilih menerusi penjurian sebanyak 80 peratus manakala undian pembaca menerusi akhbar BH dan laman sesawang BH masing-masing 10 peratus.

FAKTA

10 anugerah kategori Individu manakala empat berkumpulan